

PRIMODIUM CAPSULES

Loperamide hydrochloride (2mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Primodium
2. Bagaimana Primodium berfungsi
3. Sebelum menggunakan Primodium
4. Cara menggunakan Primodium
5. Semasa menggunakan Primodium
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Primodium
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Primodium

Ia digunakan untuk mengawal dan melegakan cirit birit jangka pendek dan panjang yang berkaitan dengan penyakit keradangan usus.

Bagaimana Primodium berfungsi

Loperamide hydrochloride merencat pergerakan usus dengan kesan langsung pada otot dinding usus.

Sebelum menggunakan Primodium

- Bila tidak boleh menggunakan

- alahan kepada loperamide atau ramuan-ramuan lain Primodium.
- jika anda sembelit.

- Sebelum menggunakan Primodium

- Beritahu doktor/ahli farmasi anda jika:
 - anda mengalami kehilangan air dan garam yang disebabkan oleh cirit-birit terutamanya pada kanak-kanak kecil yang mengalami cirit-birit teruk.
 - anda menghadapi najis berbau tidak normal, berdarah atau berlendir, sakit perut atau demam.
 - anda menghadapi penyakit hati.
 - anda menghadapi keradangan usus (ulcerative colitis).
 - anda hamil dan menyusukan anak.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Primodium

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: 4mg, diikuti dengan 2mg setiap kali selepas setiap episod cirit-birit, yang tidak melebihi 16mg sehari. Cirit birit jangka panjang: 4mg diikuti dengan 2mg setiap kali selepas setiap episod cirit-birit sehingga cirit-birit terkawal. Kawalan: 4 – 8 mg sehari dalam dos tunggal atau berbahagi seperti yang diperlukan. Kanak-kanak: Ikut arahan doktor. Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda

dengan teliti. Ia mungkin berbeza daripada maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Depresi sistem saraf pusat berlaku. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesai. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Primodium

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Primodium.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda. Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi Primodium kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera, Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu

atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Primodium boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Sakit abdomen, sembelit, pening, mulut kering, letih, loya, muntah dan alahan mungkin berlaku sekali-sekala.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (Consumers → Reporting)

Cara penyimpanan dan pelupusan Primodium

- Penyimpanan

Simpan di tempat dingin dan kering di bawah suhu 30°C. Jauhkan daripada cahaya. Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Kapsul berwarna hijau muda dan kelabu muda.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: loperamide hydrochloride.
- Bahan tidak aktif: lactose monohydrate, cornstarch, dan magnesium stearate.

- Nombor MAL

MAL19900404AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.
1505, Lorong Perusahaan Utama 1
Taman Perindustrian Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

21/08/2015

Nombor siri

BPFK(R4/1)210815/00270